

20 FEB 1996

DR MAHATHIR SEDIH DENGAN KEMATIAN BUKVIC

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau sedih dengan kematian Ibrahim Bukvic, Kuasausaha kedutaan Bosnia di sini.

Sambil menyifatkan Bukvic sebagai seorang yang baik dan peramah, Dr Mahathir berkata Bukvic sentiasa bekerjasama ketika menjalankan tugasnya.

"Saya berasa sedih (dengan kematiannya)," kata beliau kepada pemberita di sini.

Bukvic, 55, meninggal dunia pada 12.30 pagi tadi di Pusat Perubatan Pantai, di sini. Beliau meninggalkan seorang isteri, dua anak lelaki dan seorang anak perempuan.

Dr Mahathir berkata kehilangan Bukvic sukar untuk diganti kerana "mereka (orang Bosnia) tak begitu ramai yang boleh menjadi sepertinya (memegang jawatan kuasausaha)".

Perdana Menteri berkata isteri Bukvic, Vahida, juga aktif dalam membantu orang-orang tempatan. -- BERNAMA

ES PR